


Pelajaran 3

Sekolahku Tercinta



A. Baca dan fahami petikan di bawah.

Sekolah Ahmad mengadakan perhimpunan pada setiap hari Isnin. Guru-guru dan murid-murid akan berhimpun di tapak perhimpunan.

Perhimpunan dimulakan dengan nyanyian lagu "Negaraku". Semasa menyanyi, ketua pengawas menaikkan bendera.

Selepas menyanyi lagu kebangsaan, wakil murid membaca doa dan memberi nasihat. Kemudian, murid-murid membuat senaman beramai-ramai.

Semasa perhimpunan, guru besar akan memberikan ucapan. Perhimpunan mengambil masa selama setengah jam. Selepas itu, murid-murid bersurai dan masuk ke kelas masing-masing.

Kosa Kata

Perhimpunan : perihal berhimpun beramai-ramai untuk sesuatu tujuan tertentu.

Pengawas : Orang yang menjaga.

Senaman : Latihan gerak badan.

Bersurai : Berpisah-pisah, bercerai-cerai.

B. Jawab soalan berdasarkan petikan.

1. Bilakah perhimpunan sekolah Ahmad diadakan?
  - A. Isnin
  - B. Setiap hari
  - C. Jumaat
2. Di manakah perhimpunan sekolah diadakan?
  - A. Kelas
  - B. Dewan besar
  - C. Tapak perhimpunan
3. Siapakah yang menaikkan bendera semasa perhimpunan?
  - A. Ahmad
  - B. Ketua pengawas
  - C. Ketua pengawas pusat sumber
4. Apakah yang dibaca oleh murid-murid selepas menyanyi lagu kebangsaan?
  - A. Senaman
  - B. Ucapan guru
  - C. Doa
5. Siapakah yang menyampaikan ucapan dalam perhimpunan?
  - A. Ahmad
  - B. Guru besar
  - C. Ahmad dan rakannya
6. Berapa lamakah masa perhimpunan di sekolah Ahmad?
  - A. 30 minit
  - B. 20 minit
  - C. 10 minit

Nama..... Kelas 6 Nombor .....